

08 AUG 1996

MALAYSIA HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar berkenan mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Republik Singapura Ong Teng Cheong sempena Hari Kebangsaan republik itu hari ini.

Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah berharap semoga hubungan persahabatan dan kerjasama rapat antara Malaysia dan Singapura akan terus kukuh dan berkembang.

Perdana Menteri menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Goh Chok Tong dengan harapan hubungan baik dan kerjasama antara kedua-dua negara akan menyumbang kepada hubungan harmoni.

Dr Mahathir berkata beliau berharap Malaysia dan Singapura akan terus bekerjasama rapat bagi merealisasikan matlamat bidang-bidang kerjasama yang diterokai demi kepentingan kedua-dua negara.

Menurut Perdana Menteri, rakyat Singapura boleh berbangga dengan kejayaan yang dicapai hasil dasar-dasar sihat oleh Kerajaan dan kepimpinan yang mantap.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi pula mengirim perutusan kepada Menteri Undang-undang dan Hal Ehwal Luar Singapura, Prof S.Jayakumar dengan melahirkan keyakinan bahawa hubungan dan kerjasama erat antara kedua-dua negara dapat diperkukuhkan lagi. -- BERNAMA

NHD FAZ